

# UPM menang besar di Belgium

KUALA LUMPUR 24 Nov. - Universiti Putra Malaysia (UPM) merangkul satu anugerah khas, lima pingat emas dan tiga pingat perak menerusi lapan projek penyelidikan sempena Pameran Antarabangsa Inovasi, Penyelidikan dan Teknologi Baru ke-57 di Belgium baru-baru ini.

Ketua Delegasi Malaysia Prof. Madya Dr. Ratnasamy Muniandy berkata kejayaan itu sekali gus menjadikan UPM sebagai delegasi Malaysia terbanyak yang menerima pingat.

"Produk Malaysia memberi saingan hebat kepada Hungary dan Rusia kerana kualiti produk yang seakan sama," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menerusi pameran itu Prof. Madya Dr. Lai Oi Ming memperoleh anugerah khas *The World International Property Organization for the Best Invention Produced by a Woman* melalui produk minyak kesihatan dalam produk makanan seperti minyak masak dan marjerin untuk mengawal dan mengurangkan obesiti, yang turut meraih pingat emas.

Selain itu Oi Ming menerima pingat emas untuk produk penghasilan sejenis bahan dikenali DAG daripada minyak kelapa sawit yang melibatkan tindak balas hidrolisis separa dengan menggunakan biokatalis lipase penyekat gerak. Prof. Dr. Raja Noor Zaliha Raja Abdul Rahman pula meraih satu pingat emas dengan penghasilan produk enzin penstabil dalam pelarut organik untuk digunakan dalam industri pembuatan sabun, kosmetik dan farmaseutikal.

Beliau turut menerima pingat perak dengan penghasilan biokatalis baru yang diaplikasikan dalam industri sintesis, kulit dan makanan serta berupaya sebagai agen pembersih dan detergen.

Dua lagi pingat emas dirangkul oleh Prof. Dr. Azni Idris yang menghasilkan *New Bio-coagulant Using Fungi for Treating Polluted Water* dan Prof. Madya Dr. Ishak Aris melalui penghasilan *Animated Robotic Language for Children-ANROLAN*.

Produk dihasilkan Dr. Azni merupakan bahan kimia BioFloc untuk membersihkan dan menjernihkan warna air sungai yang dicemari kumbahan, manakala Dr. Ishak mencipta bahasa robotik yang menggunakan pendekatan animasi untuk mengatur cara pergerakan robot dengan mudah.

Melalui produk *Rapid, Specific and Cheap Real Time Halal Verification Kit* iaitu kit pengesanan kehadiran DNA babi dalam kepekatan rendah bagi menentukan status halal, Prof. Madya Dr. Shuhaimi Mustafa merangkul pingat perak.

Penerima pingat perak lain adalah Prof. Madya Dr. Adzir Mahdi yang mencipta sistem laser Brillouin-Erbium untuk menghasilkan panjang gelombang (isyarat) berbilang dari satu sumber cahaya yang lebih efektif dan berkos rendah.

- Bernama

UTUSAN MALAYSIA

25/11/08: